

Headline	Saham George Kent naik 21 sen berikutan keputusan kewangan kukuh		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	22 Mar 2017	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A9	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 276
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 827



Saham George Kent naik 21 sen berikutan keputusan kewangan kukuh

KUALALUMPUR: Saham George Kent (M) Bhd naik 21 sen pada sesi awal dagangan semalam setelah mengumumkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Jan, 2017.

HLIB Research menaikkan unjuran pendapatan tahun kewangan syarikat itu bagi tahun kewangan 2018

dan 2019, masing-masing sebanyak 18 peratus dan 27 peratus berikutan keputusan yang kukuh itu.

“Peningkatan unjuran ini berdasarkan kepada pengiktirafan berterusan kerja-kerja variasi lanjutan transit aliran ringan,” katanya dalam nota penyelidikannya semalam.

Firma penyelidikan itu

mengekalkan saranan ‘beli’ terhadap saham George Kent dengan harga sasaran dinaikkan kepada RM4.73 daripada RM3.77.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin, George Kent mengumumkan keuntungan sebelum cukainya melonjak 90 peratus kepada RM134.24 juta bagi tahun kewangan 2017

daripada RM70.7 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Perolehan George Kent naik 12 peratus kepada RM598.97 juta daripada RM536.21 juta sebelumnya, katanya dan menambah bahagian kejuruteraan, menjadi pemacu pertumbuhan utama bagi tahun kewangan 2017. — Bernama